

**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**  
**[35 markah]**

**SOALAN 1 : MORFOLOGI**

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata kerja aktif tak transitif. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata kerja tak transitif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Pelbagai pertandingan e-sukan telah dianjurkan pada peringkat antarabangsa yang melibatkan pemain dari seluruh dunia yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. Oleh hal yang demikian, individu yang terlibat dalam bidang ini dapat mempelajari pelbagai budaya dan bahasa yang terdapat di seluruh dunia. Hal ini secara tidak langsung mengajar kita sikap bertoleransi antara satu sama lain dan menghargai setiap perbezaan yang ada di sekeliling kita. Di samping itu, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa individu yang kerap bermain permainan video dapat meningkatkan kemahiran visual seperti mengesan beberapa objek pada satu-satu masa dan menajamkan penglihatan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Manfaat e-Sukan Terhadap Remaja'  
oleh M. Farhan Zaman  
Dewan Siswa, Bil.3 2019

[8 markah]

**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Gabungkan ayat-ayat tunggal bergaris di bawah supaya menjadi tiga ayat majmuk yang sesuai. Anda tidak boleh mengubah susunan dan maksud asalnya.*

COVID-19 telah memberikan pengalaman baharu kepada warga guru di negara ini. Golongan guru mengalami kejutan. Golongan guru tidak dapat mengikuti proses pengajaran di dalam kelas seperti kebiasaan. Kebanyakan murid memang seronok. Kebanyakan murid tidak perlu menghadiri kelas. Namun begitu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan para guru mengalami tekanan. Guru terpaksa memikul bebanan. Guru melengkapkan pelaporan proses pengajaran mereka kepada pihak pentadbir sekolah masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kebiasaan Baharu: Pembelajaran Dalam Talian'  
oleh Jeniri Amir  
Dewan Siswa, Bil 1/2021

[6 markah]

**SOALAN 3: PENYUNTINGAN**

*Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, **senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan** tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin semula bahan-bahan tersebut.*

**Bahan 1**

Pembungkusan bekas makanan mesra alam (BMA) merupakan prodak pembungkusan yang memberikan kesan tentang kelestarian alam sekitar di samping mesra alam. Penggunaan BMA sedang giat dijalankan dan meluas di negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat dan Eropah selaras dengan perkembangan pendidikan dari peringkat sekolah hingga peringkat pendidikan atas. Pelbagai kajian dijalankan bagi mengenalpasti tahap pengetahuan, kefahaman dan kesedaran orang ramai terhadap bekas makanan mesra alam untuk melestarikan alam sekitar. Hasil kajian mendapati yang penggunaan bekas makanan mesra alam tidak menjadi amalan dalam memastikan kelestarian alam sekitar. Namun begitu, orang ramai bersedia untuk lebih mengetahui penggunaan bekas makanan mesra alam serta kelebihan-kelebihan yang diperolehi dan bersedia untuk mencuba bekas makanan mesra alam.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'*Penggunaan Bekas Makanan Mesra Alam di Malaysia*'  
oleh Zarina Ahmad Zaidi,  
*Kosmik*, Bil. 2/2020

[6 markah]

**Bahan 2**

Izzah : Bagaimana cara memasak burasak, nenek?

Nenek : Oh, senang sahaja memasaknya, Izzah! Mula-mula, sediakan barang-barangnya, iaitu beras wangi, santan, daun pandan, garam, dan daun pisang nipah yang paling muda yang telah dilayor.

Izzah : Selepas itu, apakah yang perlu dibuat?

Nenek : Cuci beras wangi seperti biasa dan airnya ditus. Kemudian, panaskan santan berserta daun pandan. Setelah mendidih, masukkan beras dan kacau rata hingga santan pekat. Setelah nasi separuh masak, masukkan garam, kacau, kemudian angkat.

Izzah : Setelah nasi sejuk, bungkus dengan daun pisang dan rebus selama dua atau dua setengah jam. Betul tidak, nenek?

Nenek : Ya, betul. Pandai cucu nenek.

[5 markah]

**SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD**

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal.

Dipetik daripada  
“Burung Terbang Dipipiskan Lada”  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

**SOALAN 5: PERIBAHASA**

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian, nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan situasi dalam petikan tersebut.

Ibu bapa perlu mengambil iktibar daripada maksud peribahasa \_\_\_\_\_ (i) \_\_\_\_\_ untuk mendidik anak-anak mereka tentang penjagaan kesihatan sejak mereka kecil. Hal ini penting bagi mengelakkan ahli keluarga mereka menghidap pelbagai penyakit berbahaya. Jika perkara ini tidak dititikberatkan ibu bapa sengaja mencari masalah seperti terungkap dalam peribahasa \_\_\_\_\_ (ii) \_\_\_\_\_. Apabila ada ahli keluarga menghidap penyakit berbahaya seperti kecing manis, tekanan darah tinggi atau serangan penyakit jantung, ibu bapa juga yang menanggungnya bebannya. Jadi, persediaan awal perlu dilakukan untuk berhadapan situasi tersebut. Hal ini selaras dengan maksud peribahasa \_\_\_\_\_ (iii) \_\_\_\_\_. Langkah ini membolehkan ibu bapa lebih tenang berhadapan dengan masalah kesihatan yang dihidapi oleh mereka dan anak-anak.

[6 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

[35 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Kerjaya kepolisan sentiasa mendapat sambutan menggalakkan termasuk pemegang ijazah dan diploma oleh sebab cita-cita dan semangat patriotik yang tinggi. Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Noor Rashid Ibrahim berkata hal ini dibuktikan apabila pelatih berkelulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), diploma bahkan berkelulusan ijazah tetap memohon untuk mengikuti kursus asas konstabel. “Meskipun syarat kelulusan minimum akademik iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diperlukan untuk menjadi konstabel, namun jawatan ini turut dipohon oleh pelatih yang mempunyai STPM, diploma dan ijazah.

Katanya, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menyambut baik kedatangan pelatih berkelulusan tinggi untuk menganggotai PDRM. “Salah satu profesion di bawah Skim Perkhidmatan Awam yang mempunyai jaminan jelas dari aspek faedah dan keistimewaan menjadi antara faktor peningkatan permohonan masyarakat untuk menyertai PDRM,” katanya. Noor Rashid juga berharap para pelatih perlu *mempamerkan sikap* profesionalisme dan berhemah tinggi ketika berurusan dengan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
“Kerjaya Polis Sentiasa Jadi Pilihan Anak Muda  
oleh Noraini Razak,  
*Malaysia Gazette*, Mac 2019

**Bahan 2**

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan terus menggalakkan golongan wanita menyertai pasukan penyelamat terbabit. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, pasukan bomba akan merekrut lebih ramai wanita untuk tugas khusus yang memerlukan santunan golongan itu kepada mangsa. “Pelatih wanita perlu menceburi kerjaya ini kerana mereka ada kecekapan untuk melaksanakan kerja kebombaian dan kita bersyukur dengan pendekatan kerajaan yang sentiasa menjaga kebajikan penjawat awam,” katanya.

Sehingga kini 647 anggota dan pegawai JBPM terdiri daripada wanita dengan seorang daripadanya memegang jawatan Pengarah JBPM Kedah dan tiga lagi ketua balai. Beliau berkata, dengan adanya jawatan tertinggi di peringkat membuat keputusan dipegang wanita menjadi tarikan kepada lebih ramai wanita menyertai kerjaya ini. Beliau menambah, kerjaya ini menjadi antara kerjaya yang popular dalam kalangan masyarakat kerana imej pasukan ini yang sentiasa positif dan dipandang tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
“Kerjaya Bomba Jadi Pilihan,  
*Harian Metro*, Disember 2019

- (i) Berdasarkan **bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *mempamerkan sikap*. (2 markah)
- (ii) Merujuk kepada **bahan 1** dan **bahan 2**, apakah faktor-faktor yang mendorong minat masyarakat untuk menganggotai pasukan keselamatan negara? (3 markah)
- (iii) Anggota keselamatan negara merupakan barisan hadapan sekiranya keamanan dan keselamatan negara terancam.
- Pada pendapat anda, bagaimanakah cara-cara untuk menghargai jasa mereka. (3 markah)
- (iv) Rakan anda merupakan seorang pelajar yang cemerlang dalam pelajaran. Walau bagaimanapun, dia sering keliru untuk menentukan cita-cita dan hala tujunya selepas tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- Sebagai rakan yang prihatin, nyatakan tindakan-tindakan yang wajar anda lakukan bagi membantu rakan anda menyelesaikan masalah tersebut. (4 markah)

7. Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**BAHAN 1**

Selama ini, Puan Ainun cukup senang berjiran dengan Punita. Dia tidak pernah keberatan untuk menolong Punita. Kalau sesekali Punita pulang ke kampungnya di Ipoh selama beberapa hari, Puan Ainun jugalah yang ringan tangan menolongnya dengan menyiramkan pokok-pokok bunga di rumah Punita.

Sekarang, begini pula balasan Punita terhadap segala kebaikan yang ditaburnya selama ini. Puan Ainun mengetap bibir. Dia bukan mahu bermusuh dengan jiran tetangga. Tetapi, dia tidak boleh membiarkan dirinya dipijak orang. Betullah kata pepatah, buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali.

Sejak hari itu, Puan Ainun dengan sengaja merenggangkan dirinya daripada Punita. Dia sengaja mengelakkan diri daripada bertembung dengan Punita. Biar hujan ribut di luar rumah pun, dia tidak akan menolong Punita dengan mengangkat pakaiannya lagi di ampaian. Baginya, orang seperti Punita memang tidak boleh diberi muka.

Dipetik daripada cerpen  
"Budi Semangkuk Daging"  
oleh Amy Suzann Ainuddin,  
dalam antologi *Harga Sebuah Lukisan*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

**BAHAN 2****SAJAK BUAT ANAK BANGSA**

Di bumi bertuah ini  
Kita hidup aman dan harmoni  
Pelbagai bangsa, agama dan budaya  
Pelbagai juga asal keturunannya

Semangat kejiranan sematkan di jiwa  
Supaya sejahtera sepanjang masa  
Jika tiada toleransi sesama kita  
Hubungan yang erat sukar dicapai  
Hilang rasa hormat-menghormati

Wahai anak bangsa,  
Berjuanglah untuk negara tercinta  
Padamkan segala api sengketa  
Sikap individualistik dan nafsu-nafsi  
Leburkan anasir-anasir propaganda  
Yang cuba menjatuhkan kita  
Bersatulah, agar kita terus teguh  
Kerana  
Jika bercerai, pasti kita roboh.

**Siti Aminah,**  
Ogos 2024,  
Skudai.

**BAHAN 3****PANTUN KEJIRANAN**

Bunga mawar baunya harum,  
Buat gubahan untuk hantaran;  
Rakyat Malaysia pelbagai kaum,  
Hidup berjiran banyak cabaran.

Bertali arus kenderaan di jalan raya,  
Lambang kemegahan warga kota;  
Berbeza bahasa berlainan budaya,  
Menjadi asbab menjarakkan kita.

Membeli haruan di Kuala Kedah,  
Singgah berehat di Telok Kechai,  
Konsep perpaduan tidak diendah,  
Amalan berjiran sukar dicapai.

**Sima ADK,**  
Julai 2024  
Johor Bahru

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Puan Ainun apabila dia merasakan Punita tidak menghargai kebaikan yang dilakukannya. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 2** dan **Bahan 3**, apakah cabaran-cabaran untuk mewujudkan perpaduan dalam hidup bermasyarakat? [4 markah]
- (iii) Semangat kejiranan semakin luntur dalam kalangan masyarakat kita.  
Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan situasi ini berlaku? [3 markah]
- (iv) Anda sekeluarga baru berpindah di kawasan kejiranan yang baharu. Anda mendapati jiran-jiran anda yang terdiri daripada pelbagai bangsa tidak bertegur sapa dan masing-masing membuat haluan sendiri.  
Sebagai jiran yang prihatin, nyatakan tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk memupuk semangat kejiranan yang baik. [4 markah]

8. Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Syukurlah. Inilah berkatnya apabila kita semua bermuafakat dan bersatu. Cuma selepas ini, kita kenalah berusaha kuat sikit. Kita belum ada pelapis lagi. Budak-budak muda kampung kita ni macam tak berminat dengan zapin. Suruh berlatih kompang pun liat,” ujar Roslan pula. Aku tahu, itulah dilema yang kami sama-sama hadapi. Jika ada pun hanya dua atau tiga orang sahaja yang berminat.

“Apa yang penting kita tidak berputus asa. Budak-budak muda ni, kadang-kadang kita perlu ikut rentak mereka juga. Kita dampingi mereka selalu dan buat macam kawan. Alhamdulillah, nampaknya dah ada yang mula tunjuk minat. Malam ni pun ramai juga yang datang,” kataku.

Penduduk kampung yang datang pada malam itu beransur-ansur pulang. Beberapa orang anak muda kampungku pula sedang sibuk menyusun kerusi-kerusi yang digunakan tadi untuk disimpan di dalam stor balai raya.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*,  
karya Nizar Parman,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan cara-cara untuk menarik minat anak muda kampung untuk menari zapin dan bermain kompang.

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan amalan kerjasama dalam kalangan masyarakat.

[6 markah]



**BAHAGIAN C : RUMUSAN**

[30 markah]

9. Baca dan teliti setiap yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

**Bahan 1**

Aktiviti kokurikulum merujuk kepada kegiatan yang dirancang selain daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kegiatan ini memberikan murid peluang untuk menambahkan ilmu, kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di luar bilik darjah. Di Malaysia, kokurikulum merangkumi penyertaan dalam aktiviti sukan, persatuan dan kelab serta badan beruniform. Aktiviti kokurikulum dapat mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah. Keadaan ini secara tidak langsung dapat membendung mereka daripada melakukan perkara tidak berfaedah seperti melepak dan gejala sosial yang semakin menjadi polemik dalam kalangan pelajar sekolah hari ini. Namun begitu, terdapat banyak kekangan untuk menggalakkan murid menyertai aktiviti kokurikulum. Antaranya, sikap segelintir ibu bapa kurang memberi galakan kepada anak-anak mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana, ibu bapa terlalu memfokuskan pencapaian anak mereka dalam bidang akademik semata-mata. Buktinya, ibu bapa lebih berbangga dengan kejayaan anak-anak dalam bidang akademik berbanding bidang kokurikulum.

Jadual harian yang padat dengan menghadiri kelas tuisyen menjadi halangan utama kegiatan kokurikulum kurang mendapat sambutan dalam kalangan murid. Hal ini menyebabkan murid-murid tiada masa untuk melakukan kegiatan kokurikulum. Tambahan pula, ada segelintir murid gemar menumpukan perhatian terhadap pencapaian akademik semata-mata. Keadaan ini kerana mereka berpendapat aktiviti kokurikulum hanya sia-sia dan membuang masa, walaupun aktiviti ini sebenarnya amat berguna. Selain itu, penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum dapat menambahkan ilmu pengetahuan mereka. Oleh itu, mereka hendaklah memberi perhatian dan tidak menyertai aktiviti kokurikulum secara sambil lewa seperti melepaskan batuk di tangga. Murid yang menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah dapat membina kekuatan jati diri masing-masing. Buktinya, murid yang menyertai aktiviti seperti kawad kaki memerlukan disiplin diri serta kekuatan mental dan fizikal untuk mengikuti arahan yang diberikan.

Kesimpulannya, aktiviti kokurikulum merupakan aktiviti yang berfaedah kepada murid. Oleh itu, pihak sekolah sewajarnya berganding bahu untuk memastikan murid-murid tertarik untuk menyertai aktiviti ini.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Hidupkan Semula Aktiviti Kokurikulum'  
oleh Abd Jalil Abd Khalid  
*BHOnline*, 6 Mei 2021

**Bahan 2**

Tidur enak di atas bantal,  
sambil mengira biji sempua;  
terasa kuat fizikal mental,  
masalahat pada kita semua.

Jalan kelam disangka terang,  
hati kelam disangka suci;  
akal pendek banyak dipandang,  
janganlah hati kita dikunci.

Masak ranum padi huma  
buat santapan gadis kedah;  
kurang kesedaran halangan utama,  
kesal semua tidak sudah.

**Sumber : Internet**

**Bahan 3**

**Kokurikulum**  
Aktiviti Ke Arah Pencapaian  
Kecemerlangan

Fargoes

**Kokurikulum**

- ◆ **Unit Beruniform**
- ◆ **Kelab dan Persatuan**
- ◆ **Sukan dan Permainan**

- ◆ **Melatih daya kepimpinan murid**
- ◆ **Meningkatkan disiplin murid**